

Sumber sungai punah

■ Aktiviti tuba jejas ekosistem anak udang, ikan

Oleh Ahmad Rabiul Zulkiffi
am@hmetro.com.my
Kuala Terengganu

Pihak berkuasa diminta memantau kegiatan menuba udang dan ikan di Sungai Kampung Tok Molor, di sini, yang berleluasa terutama sepanjang bulan ini dan bulan depan.

Penduduk Zarahman Embong, 48, dari Kampung Gong Pak Maseh berkata, kegiatan itu menjejaskan ekosistem kehidupan di sungai berkenaan.

"Kami bimbang berlaku lagi kejadian seperti tahun lalu apabila udang putih, udang khatib dan udang kara yang menjadi sumber rezeki hilang akibat aktiviti itu.

"Saya difahamkan mereka menggunakan racun serbuk dari Thailand untuk menuba udang dan ikan yang menyebabkan anak ikan dan udang turut mati. Tempoh sehingga dua bulan atau lebih untuk keadaan kembali pulih," katanya ketika ditemui di Sungai Tok Molor di sini, semalam.



ZARAHMAN menunjukkan udang yang ditangkap di Sungai Tok Molor.

Zarahman berkata, pihak tidak bertanggungjawab berani menjalankan kegiatan terbabit secara terbuka kerana tidak ada pihak yang menghalang mereka.

"Saya menjala udang di sini sejak 18 tahun lalu dan berharap masalah ini dapat diselesaikan segera.

"Lebih 20 penjala udang termasuk kaki pancing di se-

kitar daerah ini termasuk Marang datang ke Sungai Tok Molor untuk mencari udang dan memancing," katanya.

Kegiatan tidak bertanggungjawab itu dipercayai dijalankan penduduk tempatan untuk mengambil jalan mudah bagi mendapatkan hasil yang banyak.

Zaki Abdullah, 52, dari Kampung Gong Tok Nasek

pula berkata, dia kerap ke sungai itu untuk menangkap udang.

"Pelbagai jenis udang terdapat di situ dan paling bernilai udang kara yang boleh dijual sehingga RM50 hingga RM60 sekilogram.

"Kami berharap pihak berwajib memantau masalah ini, sekurang-kurangnya orang yang tidak bertanggungjawab itu tidak terlalu aktif menjalankan kegiatan menuba," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (JP) Terengganu Abd Khalil Abdul Karim berkata, pemantauan sentiasa dijalankan pihaknya bagi menangani kegiatan menuba ikan dan udang.

"Kami sentiasa peka dengan masalah penduduk dan memohon mereka menyalurkan maklumat yang tepat bagi memudahkan serbuan dijalankan.

"Setiap aduan diambil serius dan intipan dijalankan dengan segera," katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.